



Malaysiakini Gemilang

تیتیسن اعیر مات باف کمردیگان

um- 3/9/2007



اولیہ صولینا عثمان

نگارا یغ سام طرف۔

سمنتارا ایت موک تیگ، دالم رواغن لیدہ قفارغ جوک مقوفس ارتی کمردیگان یغ قزلو دبری فرہاتین کراجان دان رعیتہ۔

لیدہ قفارغ جوک ممتیق سمولا کات ۲ تونکو عبدالرحمن یغ تیدق ماہو سسیاقا فون مقوغکف کات بہاوا کیت تلہ سمقایی کقھوجوغ جالن۔

باکی تونکو عبدالرحمن، کمردیگان عبارت تمقت فرہنتین یغ جاوہ مالہ ای ادالہ امیغ کشد اوسہا اونتوق منجادی سبواہ نگارا بارو یغ بردولت۔

مالہ دالم لیدہ قفارغ این جوک تیدق ماہو فرسکوتوان تانہ ملایو ننٹی دقغاروہی کواس ۲ بسر یغ سریغ ممقریسرکن 'قرغ دیغین' دان سوک ملاکا لاکان ساتو بقسا دغن ساتو بقسا لاین۔

مٹغ کمالی

قد موک یغ سام توروت دسیارکن ریقولیک رعیتہ چینا جوک مقبعتراک کمردیگان نگارا این یغ دھانتر منروسی کاوت کقد فردان منتری۔ مالہ دمواتکن اوچقن تھنینہ اولیہ رعیتہ دان کراجان ایندونیسیا۔ توروت دمواتکن بریتا امنو کلغ یغ مقاداکن سمبوتن ہاری کمردیگان سلاما تیگ ہاری۔

ماناکالا دموک امقت بہاگین اتس دمواتکن دغن فویسی چیقتان سستراون نگارا، ایہ۔ صمد سعید برتاجوق 'سکالی'۔ توروت دسیارکن رنچان تولیسن عثمان اوغ یغ مٹغ کمالی قھلاون ۲ ملایو سقرتی داتو ساکور، داتو بہامن، مت کیلاو دان راتوسن لاکھی یغ کوکور اونتوق ممبیلہ کحمرتن بقسا دان تانہ اعیر۔

سلاین بریتا جوہر یغ مپیارکن کامبر فینتو کرغ سمقنا مردیک دسکیتیر باندر جوہر ترماسوق دقینتو سمقادن جوہر دان سیقاقورا۔

ماناکالا قد موک سورت لیم قولا دسیارکن تولیسن عبدالقادیر احمد یغ مقایتن کمردیگان دغن باندر برسجارہ، ملاک۔

ملاک منجادی نگری قرتام تانہ ملایو یغ دجاجہ اولیہ فورتوکیس قد

کوالا لمفور - باف کمردیگان، تونکو عبدالرحمن دکاتکن بگیتو برایموسی سھیغک منیتیسکن اعیر مات اقایبلا مندغر کما لاوغن مردیک اولیہ ریبوان رعیتہ یغ حاضریر قد مالم قغیشتھارن امیغ مردیک 31 اوکوس 1957۔ داغترکن کیرا ۲ 50,000 رعیتہ دری سکنت فلوسوق نگارا برھیمقون دقادغ کلب سلاغور (سکارغ داترن مردیک) اونتوق مپقسیکن دتیق ۲ برسجارہ بندیرا یونیان چیک دتورونکن دان بندیرا فرسکوتوان تانہ ملایو دنایقکن دھادقن باغونن سلطان عبدالصمد۔

کسلورون فریستیاو مالم کمردیگان ایت دلافورکن اولیہ ورتاون صالح یوسف قد موک 8 اخبار اوتوسن زمان یغ دتربیتکن قد 1 سیقتیمبر 1957۔ صالح ملافورکن دتیق ۲ برسجارہ ایت مولای قتح سھیگکالہ سلس فوکول 12 تگہ مالم دان لافورن ترسبوت ممنوہی تیگ قرامقت قد کسلورون موک سورت ترسبوت۔

اخبار اوتوسن زمان قد کتیک ایت چوما دتربیتکن لاقن موک سورت۔ توروت دمواتکن دالم موک اخیر اخبار ایت ایالہ تھنینہ سلامت مردیک اولیہ فردان منتری کنادا یغ تلہ دسیارکن دسالورن رادیو ملایا۔

کپاتان اخبار اوتوسن زمان کلوارن 1 سیقتیمبر 1957 ایت امت برمعنا کران منچریتاکن دتیق ۲ یغ برلاکو کتیک قغیشتھارن کمردیگان۔

سلاین موک ہادقن، موک دوا اوتوسن زمان مپیارکن اوچقن تونکو عبدالرحمن سچوروس سلس قغیشتھارن کمردیگان دستادیوم مردیک۔

تونکو عبدالرحمن برکات، مسکیفون کراجان قرایکتن چوکوف سدر بہاوا دھادقن اد برباکای باکای کسورکن دان کسولیتن تتافی بلباو یقین دغن لیمقہ رحمہ تونن، سگالا کسورکن ترسبوت اکن داقت داتسی۔

کاتان، ہاری این مروفاکن ساتو بابق بارو دالم فرصحاتین نگارا این دغن بریتن یغ مان طرف کیت سلوم این سبکای نگارا دجاجہ تلہ برتوکر منجادی دوا بواہ

کرتن اخبار اوتوسن زمان کلوارن 1 سیقتیمبر 1957 بابق مپیارکن قیصہ کمردیگان فرسکوتوان تانہ ملایو۔

مردیک باکی فیهق رعیتہ دان نگاران یغ برہارف کمردیگان اکن برتمبہ کوکوہ قد ماس دغن۔ مالہ بکس فسوروهجای تیغکی بریتیش، سر دونلد میکگلویوری دان ایستری جوک مقوچمکن سلامت تیغکل دان سلامت برہاکیا کقد سموا قندودوق دنگارا این۔

باکایماناقون موک توجوہ اد سدیکیت کلاینن اقایبلا مپیارکن لیم کقغ کامبر مقنائی کداتغن دوک اوف کلوجیستر ککوالا لمفور سبکای موکلی کوین ایلیزابت II اونتوق اوقاچارا قپرہن کواس کقد سمبیلن بواہ نگری ملایو دان دوا نگری سلت۔

انتاران دسیارکن کامبر دوک اوف کلوجیستر برسلمان دغن راج ۲ ملایو کتیک ایت مپمبوتن دلاقن تریغ کوالا لمفور۔

تاهون 1511، دایکوتی بلندا دان ایگرکریس سبلوم دلواسکن قنجاہن کنگری لاین۔ برایکوتن ایت تونکو عبدالرحمن ممبیلہ قادغ قھلاون باندر ہیلیر ملاک اونتوق مقیشتھارکن تاریخ کمردیگان نگارا سکمالیث دری لندن۔

ماناکالا دموک سورت انم قولا دمواتکن بریتا اوتام یایت کپاتان ستیاسوسہا اوغ، کابوغن کساتوان دان بوروہ انتارابقسا، جیہ۔ ہیچ۔ اولدینبروک بہاوا تیدق اد دیموکراسی جک کبیسن قوم بوروہ تیدق دحرمتی۔

قد موک سورت یغ سام جوک مپیارکن بریتا کولیح اسلام ملایو جوک مقاداکن اوقاچارا سمبوتن کمردیگان۔

سلاین ایت، فردان منتری اوسترالیا کتیک ایت جوک مقوچمکن سلامت

Titisan Airmata Bapa Kemerdekaan

Oleh Sulina Usman

Kuala Lumpur- Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman dikatakan begitu beremosi sehingga menitikkan airmata apabila mendengar gema laungan merdeka oleh ribuan rakyat yang hadir pada malam perisytiharan ambang merdeka 31 Ogos 1957.

Dianggarkan kira-kira 50,000 rakyat dari segenap pelosok negara berhimpun di padang Kelab Selangor (sekarang Dataran Merdeka) untuk menyaksikan detik-detik bersejarah bendera union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad.

Keseluruhan peristiwa malam kemerdekaan itu dilaporkan oleh wartawan Salleh Yusof pada muka akhbar Utusan Zaman yang diterbitkan pada 1 September 1957. Salleh melaporkan detik-detik bersejarah itu mulai petang sehinggalah selepas pukul 12 tengah malam dan laporan tersebut memnuhi tiga perempat pada keseluruhan muka surat tersebut.

Akhbar Utusan Zaman pada ketika itu Cuma diterbitkan lapan muka surat. Turut dimuatkan dalam muka akhir akhbar itu ialah 'Tahniah, selamat merdeka' oleh Perdana Menteri Kanada yang telah disiarkan di saluran Radio Malaya.

Kenyataan akhbar Utusan Zaman keluaran 1 September 1957 itu amat bermakna kerana menceritakan detik-detik yang berlaku ketika perisytiharan kemerdekaan. Selain muka hadapan, muka dua Utusan Zaman menyiarkan ucapan Tunku Abdul Rahman sejeurus selepas pengisytiharan kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman berkata, meskipun kerajaan Perikatan cukup sedar bahawa di hadapan ada berbagai-bagai kesukaran dan kesulitan tetapi beliau yakin dengan limpah rahmat tuhan. Segala kesukaran tersebut akan dapat diatasi.

Katanya, hari ini merupakan satu babak baru dalam persahabatan negara ini dengan Britain yang mana taraf kita sebelum ini sebagai negara dijajah bertukar menjadi dua buah negara yang sama taraf. Sementara itu muka tiga dalam ruangan Lidah Pengarang juga mengupas erti kemerdekaan yang perlu diberi perhatian kerajaan dan rakyat.

Lidah Pengarang juga memetik semula kata-kata Tunku Abdul Rahman yang tidak mahu sesiapa pun mengungkap kata bahawa kita telah sampai ke penghujung jalan. Bagi Tunku Abdul Rahman, kemerdekaan ibarat tempat perhentian yang jauh malah ia adalah ambang kepada usaha untuk menjadi sebuah negara baru yang berdaulat. Malah dalam Lidah Pengarang ini juga tidak mahu Persekutuan Tanah Melayu nanti dikuasai kuasa-kuasa besar yang sering mempebesarkan 'perang dingin' dan suka melaga-lagakan satu bangsa dengan bangsa lain.

Mengenang Kembali

Pada muka surat yang sama turut disiarkan Republik rakyat China juga mengiktiraf kemerdekaan negara yang dihantar menerusi kawat menerusi Perdana Menteri. Malah dimuatkan ucapan tahniah oleh rakyat dan kerajaan Indonesia. Turut dimuatkan berita UMNO Kelang yang mengadakan sambutan hari kemerdekaan selama tiga hari.

Manakala di muka empat bahagian atas dimuatkan dengan puisi ciptaan sasterawan negara, A.Samad Said bertajuk 'Sekali'. Usman Awang yang mengenang kembali pahlawan-pahlawan Melayu seperti Dato' Sagor, Datuk Bahaman, Mat Kilau dan ratusan lagi yang gugur untuk membela kehormatan bangsa dan tanahair.

Selain berita Johor yang menyiarkan pintu gerbang sempena merdeka di sekitar bandar Johor termasuk di pintu sempadan Johor dan Singapura. Manakala pada muka surat lima pula disiarkan tulisan Abdul Kadir Ahmad yang mengaitkan kemerdekaan dengan bandar bersejarah, Melaka.

Melaka menjadi negeri pertama Tanah Melayu yang dijajah oleh Portugis pada tahun 1511, diikuti Belanda dan Inggeris sebelum diluaskan ke negeri lain. Berikutan itu Tunku Abdul Rahman memilih Padang Pahlawan bandar Melaka untuk mengisytiharkan tarikh kemerdekaan negara sekembalinya dari London.

Manakala di muka surat enam pula dimuatkan berita utama iaitu kenyataan Setiausaha Agung, Gabungan Kesatuan dan Buruh Antarabangsa J.H Oldenburg bahawa tidak ada demokrasi jika kebebasan kaum buruh tidak dihormati.

Pada muka surat yang sama juga menyiarkan berita Kolej Islam Melayu juga mengadakan upacara sambutan kemerdekaan. Selain itu Perdana Menteri Australia ketika itu juga mengucapkan selamat merdeka bagi pihak rakyat dan negaranya yang berharap kemerdekaan akan bertambah kukuh pada masa hadapan. Malah bekas Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Donald MacGillivray dan isteri juga mengucapkan selamat tinggal dan selamat berbahagia kepada semua penduduk di negara ini.

Bagaimanapun muka tujuh ada sedikit kelainan apabila menyiarkan lima keping gambar mengenai kedatangan Duke of Glouchester ke Kuala Lumpur sebagai mewakili Queen Elizabeth II untuk upacara penyerahan kuasa kepada sembilan buah negeri Melayu dan dua negara selat. Antaranya disiarkan gambar Duke of Glouchester bersalaman dengan raja-raja Melayu ketika itu menyambutnya di lapangan terbang Kuala Lumpur.